

Newspaper	Berita Harian
Date	11 November 2015

Najib yakin capai status negara berpendapatan tinggi

BH-11/11/2015

» Galakkan keusahawanan antara langkah kerajaan penuhi aspirasi 2020

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak percaya penurunan dalam hasil minyak tidak akan menghalang Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan menggalakkan sektor keusahawanan.

Perdana Menteri berkata, negara terus mencapai kemajuan meskipun keadaan ekonomi tidak menentu dan ia terbukti menerusi pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM22.4 bilion yang dicatatkan pada separuh pertama tahun ini.

Najib berkata, dalam menggalakkan keusahawanan, rak-

yat perlu mencari peluang di sebalik setiap masalah kerana ia dengan sendirinya bukan saja menyediakan peluang bagi diri mereka, malah mewujudkan kekayaan kepada negara.

Yakin dasar dilaksanakan

"Malaysia negara yang maju ke hadapan dan saya yakin dengan dasar dilaksanakan dan semangat keusahawanan dimiliki ramai daripada kita, Malaysia akan mencapai aspirasi untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran bangunan Naza Tower di Platinum Park, di sini kelmarin. Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza, SM Nasarudin SM Nasimuddin.

Bangunan itu akan menempatkan pejabat korporat rasmi Kumpulan Syarikat Naza sempena ulang tahun ke-40 kumpulan berkenaan. Terletak di lokasi strategik di Persiaran KLCC, pejabat Naza Tower gred A setinggi 50 tingkat ada-

lah sebahagian daripada Platinum Park yang turut menempatkan Menara FELDA dan Menara TH.

Keseluruhan pembangunan bersepadu Platinum Park dibangunkan Naza TTDI dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM4 bilion. Naza Tower turut menempatkan pejabat

“*Dalam menggalakkan keusahawanan, rakyat perlu mencari peluang di sebalik setiap masalah kerana ia dengan sendirinya bukan saja menyediakan peluang bagi diri mereka, malah mewujudkan kekayaan kepada negara*”

Najib Razak,
Perdana Menteri

syarikat utama serta hotel enam bintang, pangsapuri perkhidmatan penuh serta kediaman mewah.

Dalam pada itu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut menggesa syarikat Bumiputera yang menerima permit import (AP), memanfaatkan untuk mengembangkan perniagaan dalam bidang lain bagi mempelbagaikan sumber pendapatan.

Manfaat AP

“Apabila diberi AP, hendaklah memanfaatkannya untuk mengembangkan perniagaan ke dalam bidang lain. Tidak banyak syarikat Bumiputera dapat AP yang boleh berjaya dalam pelbagai bidang lain.

“Jadikan Kumpulan Naza sebagai contoh. Syarikat berusia 40 tahun ini muncul antara syarikat Bumiputera paling berjaya di negara ini selepas menceburi pelbagai cabang perniagaan, bermula dengan perniagaan kedai roti di Kuala Pilah, ia kini bertapak di Platinum Park, pusat komersial strategik di ibu negara,” katanya.